

28/03/2001

Hadi Awang enggan tarik balik amanat

KUALA TERENGGANU, Selasa - Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, tetap dengan pendiriannya tidak akan menarik balik ucapannya di Banggol Peradong pada 7 April 1981 yang kemudian dikenali 'Amanat Haji Hadi' dan dianggap fatwa oleh penyokong parti itu.

"Saya tak mahu tarik, tak akan tarik," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Agama Islam dan Istiadat Terengganu, di sini hari ini.

Penasihat Agama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak semalam meminta Pas menarik balik amanat itu dan mengeluarkan pekeliling kepada markas tarbiahnya untuk menjelaskan bahawa Umno tidak kafir.

Hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan keengganan Pas menarik balik amanat itu menunjukkan parti pembangkang itu menyeleweng daripada ajaran sebenar Islam.

Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Amanat Haji Hadi, yang dianggap antara faktor penyokong Pas mengkafirkan ahli Umno, menyalahi keputusan Majlis Raja-Raja minggu lalu.

Hadi, ketika diminta mengulas perkara itu, berkata pihak berkuasa dan media perlu menyiarkan ucapannya ketika itu (pada 1981) sepenuhnya dan melihat kandungannya secara menyeluruh.

"Itu ucapan saya satu jam lebih, siarkan satu jam lebih, jangan ambil tiga baris saja," katanya sambil menambah, isu berkenaan sudah dijelaskan dalam wawancara dengan akhbar Mingguan Malaysia tahun lalu.

Beliau juga meminta supaya ucapan Dr Mahathir pada masa lalu diteliti dan ditarik balik, termasuk soal hukum hudud.

(END)